

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PROF. MADYA DR. RUSNAH BT. ALUAI
(TANGGA BATU)**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang berkesan telah diambil untuk membanteras judi tidak berlesen yang berleluasa dan memberi impak negatif kepada masalah sosial.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

PDRM sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM untuk mengesan serta membanteras kegiatan yang dijalankan ini, sama ada oleh orang perseorangan atau kumpulan sindiket. Di antara langkah-langkah yang telah diambil dan dirancang oleh pihak polis termasuklah:

a) Mengadakan operasi dan serbuan secara berterusan melalui Op Dadu termasuklah operasi bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk melumpuhkan kegiatan ini;

SOALAN NO : 55

- b) Bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) bagi sekatan laman sesawang perjudian di bawah Sek. 263 (2) Akta Komunikasi Multimedia;
- c) Bekerjasama dengan syarikat-syarikat utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan syarikat bekalan air untuk tindakan pemotongan bekalan elektrik dan air ke atas premis yang sering digunakan oleh sindiket perjudian;
- d) Mengambil tindakan ke atas pihak-pihak yang terlibat dalam kegiatan ini termasuklah penjaga premis dan penganjur kegiatan perjudian haram di bawah peruntukan undang-undang berkaitan judi sedia ada seperti Akta Rumah Judi Terbuka 1957 dan Akta Pertaruhan 1953. Selain itu, tindakan yang lebih keras juga akan diambil di bawah peruntukan undang-undang lain yang berkaitan iaitu Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001; dan
- e) Meneliti undang-undang berkaitan judi sedia ada bagi tujuan pindaan penambahbaikan bagi memastikan undang-undang ini relevan dengan perubahan modus operandi sindiket perjudian ini terutamanya perjudian atas talian (online). Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri juga telah turut dilibatkan di dalam kajian undang-undang berkaitan perjudian yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk ditambah baik supaya sentiasa selaras dengan perkembangan semasa.